

Metodologi Qira:'at Ibn Kathi:r dalam Juz 'Amma

Mohd Ala-Uddin Othman
Zawawi Ismail
Wan Ismail Wan Abdullah
Mohammad Seman

Abstrak

Artikel ini merupakan satu kajian yang berhubungkait dengan bidang fonetik bahasa Arab. Ia menjelaskan hubungan dialek-dialek Arab dengan qira:'at al-Quran al-Karim, khususnya qira:'at Ibn Kathi:r sebagai salah satu qira:'at al-Quran yang mutawa:tir. Tumpuan diberikan kepada metodologi qira:'at Ibn Kathi:r dalam juz 'Amma. Perbincangan yang dikemukakan menjelaskan dapatan kajian qira:'at Ibn Kathi:r dari juz 'Amma dan metodologi yang digunakan dalam juz ini dikemukakan dalam bentuk jadual. Dapatan kajian merumuskan tujuh metodologi Ibn Kathi:r dalam juz ini iaitu cara pembacaan *mi:m al-jam', ha:' al dami:r*, hukum *mad munfasil*, dua *hamzat* dalam satu perkataan, dua *hamzat* dalam dua perkataan, *ya:' al ida:fat* dan *ya' al za:dat*. Tujuh aspek ini dikenali sebagai *usu:l* dalam ilmu qira:'at. Selain itu dapatan kajian juga menerangkan tentang bacaan yang tidak melibatkan *usu:l* dalam qira:'at Ibn Kathi:r yang dikenali sebagai *farsy* atau *furu'* dalam ilmu qira:'at. Artikel ini cuba mengengahkan dan mendedahkan qira:'at Ibn Kathi:r kepada masyarakat Islam di Malaysia dengan tujuan pengembangan ilmu.

Kata kunci: qira:'at al-Quran; qira:'at Ibn Kathi:r; fonetik; dialek Arab.

Abstract

This article is a study correlated with Arabic ' phonetic field. It explain relationship Arab dialects with qira:'at Al Koran Al-Karim by especially qira:'at Ibn Kathi:r as either qira:'at al Koran mutawatir with focus given to methodology qira:'at Ibn Kathir in juz Amma. Discussion proposed explain study findings qira:'at Ibn Kathi:r from juz Amma and addresses methodology applies in this juz in tabular form. Study findings formulate seven Ibn Kathi methodology in juz this namely Mi:m al-Jam', Ha:' al Dami:r, law Mad Munfasil, two Hamzat in a word, two glottal catch in two words Yah:' Al Ida:fat and Ya' al Zaidat. Seven this aspect known as usu:l in knowledge qira:'at. Apart from that, study findings also explain about reading does not involve usu:l in qira:'at Ibn Kathi:r which is known as as Farsy or furu' in knowledge qira:'at.

Keywords: qira:'at al-Quran; qira:'at Ibn Kathi:r; fonetik; Arab dialects.

Pengenalan

Qira:at ialah ilmu berkaitan dengan cara menyampaikan kalimah al-Quran dan perbezaan-perbezaannya dengan menisbahkan kepada orang yang menaqalkannya (Ibn al Jazariyy t.th.; Saqar 2004). Menurut Zurzur (1991), ilmu qira:at ialah salah satu aliran pandangan seorang imam daripada imam-imam qurra' yang berbeza antara satu dengan yang lain pada penyebutan al-Quran al-Karim berserta bersatunya riwayat dan turuq-turuq sama ada perbezaan itu wujud pada penyebutan huruf atau penyebutan keadaan-keadaan huruf. Daripada takrif ini kajian mendapati bahawa qira:'at merupakan bentuk-bentuk kebahasaan dan fonetik yang terdapat dalam pembacaan al-Quran yang dibawa oleh para qurra' untuk dipraktikkan.

Menurut Abu Sulayman (1994), terdapat tujuh qira:'at mutawa:tir yang dikemukakan oleh imam berikut iaitu Imam Na:fi' al Madaniy, Imam Ibn Kath:ir, Imam Abu 'Amr bin al 'Ala' al Basriyy, Imam Ibn 'A:mir al Sya:miy, Imam 'A:sim al Ku:fiyy, Imam Hamzat al Ku:fiyy dan al Kasa:iyy al Ku:fiyy.

Artikel ini memfokuskan kajian terhadap qira:at Ibn Kathi:r dalam juz 'Amma sebagai pendedahan awal kepada masyarakat Islam kerana juz ini sentiasa diamalkan oleh umat Islam di Malaysia. Pendedahan ini diharapkan mampu mengembangkan lagi ilmu qira:'at dalam kalangan masyarakat Islam.

Al-Ha:di Qa:bat (1999) menaakalkan pernyataan Muhammad Makkiy dalam kitabnya *al Iba:nat* bahawa qira:'at-qira:'at sahih yang diriwayatkan oleh imam-imam pada hari ini adalah sebahagian daripada *Ahruf Sab'at* yang diturunkan dengannya al-Quran, sama lafaz-lafaznya dengan Rasm 'Usma:niyy yang telah ijma:' oleh para sahabat dan ulama' selepas mereka. Ini kerana al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf mengikut dialek-dialek kabilah Arab pada zaman tersebut. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ , فَاقْرَأُوا مَا تيسَّرَ مِنْهُ

Maksudnya:

Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah apa yang mudah daripadanya.

(al-Nawa:wiy 1994)

Penggunaan lafaz *Sab'at Ahruf* dalam hadith tersebut bermaksud tujuh dialek Arab. Namun begitu bilangan tujuh huruf (dialek) yang disebut dalam hadith itu, tidak menghadkan pembacaan al-Quran kepada hanya tujuh dialek Arab tertentu yang terpilih tetapi sebagai lambang kepada banyaknya bilangan dan kepelbagaian dialek yang dibenarkan bergantung kepada kemampuan pembaca (Mohd Zaki 2001).

Lahjät-lahjät (Dialek-dialek) Arab dan Hubungannya dengan Qira:'at al-Quran

Al Lahjät (لَهْجَة) bererti *al Lisa:n* (اللِسَان) iaitu bahasa tuturan manusia yang digunakan dalam perbualan harian dan merupakan kebiasaan kepada mereka bertutur demikian (Ma'luf 1956). Dialek atau lahjät ialah satu himpunan sifat-sifat bahasa (rupa bahasa) yang dihubungkan kepada satu kawasan tertentu. Semua unsur suasana itu sama-sama mempunyai sifat tersebut (Ani:s 1973).

Pakar-pakar bahasa zaman dahulu menyatakan apa yang dinamakan *lahjät* sekarang ini adalah *lughat*. Perkataan *lughat* yang bererti *lahjät* selalu digunakan dalam buku-buku bahasa dan dalam penulisan-penulisan mengenai *lughat* kabilah yang terdapat dalam al-Quran. Mereka tidak bercakap atau berkomunikasi selain menggunakan bahasa Arab sebagai medium. Perbincangan tentang ini dapat merumuskan bahawa apabila perkataan *lughat* dihubungkan dengan al-Quran, maka ia bermaksud *lahjät* dan jelas bahawa bahasa Arab juga mempunyai *lahjät* sebagaimana bahasa-bahasa lain di dunia.

Ahli-ahli bahasa Arab dan para penyelidik tidak dapat mencapai kata sepakat tentang bilangan kabilah Arab. Mengikut Abu: Hayya:n, beliau menyatakan bahawa terdapat 64 kabilah, Syeikh Kha:lid al Azhariyy pula menyatakan terdapat 31 kabilah, al Sayu:tiyy menyatakan ada 36 kabilah dan al Asymu:niyy menyatakan terdapat 25 kabilah (Muhaysin 1986). Walau bagaimanapun kesemua kabilah yang tinggal di semenanjung Arab sebelum turunnya al-Quran bercakap dengan menggunakan bahasa Arab, tetapi tidak semua kabilah ini menggunakan *lahjät* yang sama dalam komunikasi harian kerana mereka tinggal di kawasan yang sangat luas (Muhaysin 1986).

Terdapat perbezaan dari segi *lahjät* antara kabilah Arab, seperti dari segi tekanan suara dan cara menyampaikan ungkapan. Ada dalam kalangan mereka yang mengidgha:mkan dan mengizha:rkan, mengikhfa:kan dan mengizha:rkan, mengima:latkan dan memfatha:kan, mentafkhi:mkan dan mentarqi:qkan, memadkan dan mengqasarkan. Menurut Ani:s (1973), cara

penyebutan '*fasi:h*' seperti yang diperkenalkan oleh ulama' tajwid hendaklah dijadikan panduan dan kelonggaran itu hanya pada tahap individu sahaja.

Pada zaman permulaan Islam, orang-orang Arab mengamalkan bacaan yang berbeza kerana terdapat kesukaran untuk mengubah cara sebutan mereka secara mendadak mengikut bahasa *Fusha*. Ini kerana majoriti orang Arab pada masa itu buta huruf. Akan tetapi, setelah Islam berkembang dan celik huruf meluas, orang-orang Arab mula mengikut cara pembacaan yang satu dan diikuti oleh bangsa-bangsa lain hingga ke hari ini (Mohd Zaki 2001).

Antara maksud hadith yang menerangkan tentang tujuh huru:f yang terdapat dalam al-Quran ialah *lahjaṭ* kabilah Arab yang bertujuan untuk memudahkan sebutan dan bacaan. Namun ia tidak boleh dibaca sesuka hati dan terbatas kepada apa yang telah diberikan kemudahan oleh Allah s.w.t. seperti yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. (Saqar 2004). Mohd Rahim (2001) menyatakan, al-Wa:stiy telah menerangkan dalam kitabnya iaitu *Qira:'aṭ al 'Asyaraṭ*, "Sesungguhnya di dalam al-Quran mempunyai empat puluh *lahjaṭ* Arab". Antara *lahjaṭ* tersebut, *lahjaṭ* Qurayshlah yang paling fasih dan ia adalah asal al-Quran yang diturunkan kepada Baginda s.a.w. yang berketurunan Quraysh.

Oleh itu, apa yang dikenali dalam ilmu qira:'a:t sebagai qira:'aṭ tujuh atau qira:'aṭ sepuluh adalah himpunan bentuk-bentuk bacaan al-Quran yang ditinggalkan oleh kabilah-kabilah Arab pada zaman dahulu. Walaupun begitu, himpunan bentuk-bentuk bacaan tersebut tidak menyeluruh, bahkan dikira sebagai yang termasyhur dan sebahagian sahaja daripada tujuh huru:f tersebut untuk diwarisi oleh generasi berikutnya (Ibn al Jazariyy t.th.; Ani:s 1973; Isma:i:l 1986). Al-Quran sendiri mengandungi ciri-ciri yang diambil dari pelbagai *lahjaṭ* yang diselit dalam ayat-ayatnya, sama ada dari segi struktur pembinaan perkataan atau aspek-aspek lain. Ini melambangkan kitab suci ini telah memikat hati para pembacanya dari kalangan orang Arab yang mempunyai kepelbagaian *lahjaṭ* (Mohd Zaki 2001).

Jika diibaratkan seperti pokok, hubungan antara qira:'aṭ dengan *lahjaṭ* pada umumnya sama seperti hubungan ranting (cabang) dengan batangnya. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan, kerana dengan adanya *lahjaṭ* ini maka wujudlah *al qira:'a:t* dalam al-Quran al-Karim (Emran 1995).

Imam Ibn Kathi:r

Nama sebenar Ibn Kathi:r ialah Abu Sa'i:d, 'Abdullah bin Kathi:r bin al Muttalib bin 'Umar Abdullah bin Za:za:n bin Fairu:z bin Hurmuz (Ibn al Jazariyy t.th.; al Khami:s 1996; Isma:i:l 1986). Menurut 'Atar (1988), gelaran yang diberikan kepada beliau antaranya ialah Abu Ma'bad atau Abu Muhammad dan al Da:riyy yang merujuk kepada asal keturunan beliau dari kabilah Bani 'Abd al Da:r. Ada yang berpendapat gelaran al Da:riyy diberikan kerana beliau merupakan seorang penjual minyak wangi. Orang Arab menggelar penjual minyak wangi dengan nama al Da:riyy berdasarkan kepada satu daerah di negara Bahrain bernama *Da:rain*, di mana orang Arab membawa wangi-wangian dari sana (al Qa:diy 2002). Beliau juga terkenal dengan nama Ibn Kathi:r al-Makkiy atau al-Qurasyiyy atau al-Muttalib (al-Khami:s 1996). Beliau dilahirkan pada tahun 48H (al Zahabiyy t.th.).

Ibn Kathi:r mempunyai perawakan tegap, tinggi, berkulit kuning gelap, mata yang hitam kebiru-biruan, rambut dan janggut berwarna putih, tetapi adakalanya rambut dan janggutnya diwarnakan dengan inai (al-Qa:diy 2002). Menurut Ibn al Jazariyy (t.th.), beliau adalah seorang yang sangat fasih percakapannya dan mampu menyampaikan maksud yang dikehendaki dengan baik dan sempurna. Ketenangan dan kehebatan beliau terpancar pada wajahnya.

Al Qa:diy (2002) menyatakan bahawa Ibn Kathi:r merupakan seorang *tabi'i:n* besar, sempat bertemu dengan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. dan meriwayatkan qira:at daripada mereka seperti Abdullah Ibn al-Zubair, Abu Ayyu:b al-Ansa:riy, Anas bin Malik, Mujahid bin Jubir, dan Dirba:s hamba Abdullah Ibn 'Abba:s. Perawi Ibn Kathi:r yang masyhur ialah al-Bazziy dan Qunbul. Ibn Muja:hid memuji Ibn Kathi:r kerana sentiasa menjadi rujukan ramai dalam qira:'at di Mekah sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 120 hijrah (al Zahabiyy t.th.).

Metodologi Ibn Kathi:r dalam Qira:'at

Ibn Kathi:r mempunyai metodologi yang tersendiri dalam qira:'at. Artikel ini mengutarakan metodologi Ibn Kathi:r dalam qira:'at yang menjadi sempadan dan ciri bacaan untuk mengenali dan membezakan qira:'at Ibn Kathi:r dengan qira:'at yang lain.

Bacaan *Basmala't*

'*Basmala't*' ialah akronim bagi ungkapan بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ. *Basmala't* (بِسْمَلَّة) ialah kata nama terbitan dari kata kerja *basmala* (بَسَمَلَ) (Abu: al Farah *et. al.*, 2003). Al Da:niy (1996) menjelaskan bahawa tidak terdapat perselisihan dalam kalangan qurra:' bahawa '*Basmala't*' adalah salah satu ayat yang terdapat dalam surah al Naml. Para qurra:' yang tujuh juga bersependapat menyatakan bahawa ia hendaklah dibaca ketika memulakan setiap surah dari al-Quran kecuali di awal surah *al Bara:'at* atau *al Tawba't* (al Da:niy 1996).

Ibn Kathi:r, Qa:lu:n, A:sim dan al Kisa:'iyy membacanya secara berasingan di antara dua surah kecuali surah *al Bara:'at* (Muhaysin, t.th.). Pengecualian bacaan '*Basmala't*' di awal surah *al Tawba't* itu adalah berdasarkan pertanyaan Ibn 'Abba:s r.a. kepada 'Aliyy r.a., "Kenapakah tidak ditulis بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ di awal surah *al Bara:'at*?" Jawab 'Aliyy, "Kerana بِسْمِ اللّٰهِ untuk keamanan, dan *al Bara:'at* tidak terdapat padanya keamanan, kerana ia diturunkan dengan pedang (dalam suasana peperangan)" (al Khami:s 1996).

Mi:m al-Jam'

Ibn Kathi:r menominatiskan *mi:m* (م) *al-jam'* dan memanjangkan sebutan dengan vokal *waw* (و) sekiranya selepas huruf *mi:m* itu terdapat huruf yang berbaris (al Muhaysin t.th.). *Mi:m al-jam'* ialah *mi:m* yang terletak pada *dam:ir* (ganti nama) yang menunjukkan *jam'* seperti *hum* (هُم), *him* (هِم) dan *kum* (كُم). Dalam qira:'at Ibn Kathi:r, *mi:m* ini akan dihubungkan dengan huruf *mad waw* pada bacaan, tidak pada tulisan (و). Maka *hum* (هُم), *him* (هِم) dan *kum* (كُم) akan dibaca dengan *humu:* (هُمُو), *himu:* (هِمُو) dan *kumu:* (كُمُو) dengan syarat, selepas huruf *mi:m* itu terdapat huruf yang berbaris.

Ha:' al Dami:r

Ha:' al dami:r atau dipanggil *ha:' al kina:ya't* iaitu *ha:'* bagi *mufrad al gha:'ib* (ganti nama ketiga tunggal). Menurut Sayid Lasyi:n dan Khalid Muhammad (2003), Ibn Kathi:r mewasalkan *ha:' al dami:r* dengan huruf *waw* (و) sekiranya *ha:'* itu berkeadaan nominatif dan huruf sebelumnya berkeadaan jusif serta selepasnya terdapat huruf yang berbaris. Contohnya adalah seperti مِنْهُ آيَات (A:li 'Imra:n, ayat 7). Ibn Kathi:r juga mewasalkan *ha:' al dami:r* dengan huruf *ya:'* (ي) sekiranya *ha:' al dami:r* itu berbaris genetif, sebelumnya terdapat huruf berkeadaan jusif dan selepasnya terdapat huruf yang berbaris seperti فِيهِ هُدًى (al Baqarah, ayat 2).

Hukum *Mad* (Vokal Panjang)

Mad pada bahasa bermaksud memanjangkan (al Marbawiy t.th.). Dari segi istilah pula *mad* bermaksud memanjangkan sebutan suara lebih daripada dua harakat dengan huruf *mad* pada ketika pertemuannya dengan huruf *hamza't* atau tanda jusif (Abdul Qadir Leong 1998). Huruf *mad* ada tiga

iaitu *alif* sebelumnya baris akusatif, *waw* sebelumnya baris nominatif dan *ya:*' sebelumnya baris genitif. Ibn Kathir membaca secara *al-qasr* (dua harakat) pada *mad mufasil* dan *tawassut* (empat harakat) pada *mad muttasil* (Muhaysin 1998).

Dua *Hamza* dalam Satu Perkataan

Ibn Kathir *mentashi:ikan* (meringankan) *hamza* yang kedua daripada dua *hamza* dalam satu perkataan dengan tidak *mengidkha:ikan alif* (memanjangkan bacaan dua harakat) di antara keduanya. *Al Tashi:l* ialah satu bentuk atau cara meringankan sebutan *hamza* dan menjadikannya antara sebutan *hamza* dengan baris selepasnya (al Kahmi:s 1996).

Na:fi', Ibn Kathir dan Abu: 'Amr *mentashi:ikan* (meringankan) *hamza* yang kedua iaitu antara bunyi *hamza* dan bunyi barisnya sebagaimana berikut (Abu al Farah 2003; al Da:niy 1996; Abu Sulayman 1994):

1. *Hamza* yang kedua yang berbaris akusatif ditashi:ikan (diringankan) antara *hamza* dan *alif*, seperti *ءَأَنْذَرْتَهُمْ*
2. *Hamza* yang berbaris genitif pula diringankan antara sebutan *hamza* dan *ya:*', seperti *أَيْدَا*
3. *Hamza* yang berbaris nominatif diringankan antara sebutan *hamza* dan *waw*, seperti *أَوْ تَبَيَّنْتُمْ*.

Dua *Hamza* dalam Dua Perkataan

Hamza dalam dua perkataan ialah dua *hamza* yang berdampingan yang terdapat dalam dua perkataan. Kedua-dua perawi Ibn Kathir berselisih pendapat tentang dua *hamza* yang terdapat dalam dua perkataan. Sekiranya kedua-dua *hamza* itu bersamaan dari segi harakatnya, maka al-Bazziy membacakannya dengan *mengisqa:tkan hamza* yang pertama, seandainya kedua-dua *hamza* itu berkeadaan akusatif. Jika kedua-dua *hamza* itu berkeadaan nominatif dan genitif maka al-Bazziy membacakannya secara *tashi:l* (Abu Sulayman 1994).

Qunbul pula membacakannya secara *tashi:l* pada *hamza* yang kedua atau *mengibda:lkannya* menjadi huruf *mad* jika kedua-duanya berbaris akusatif atau genitif atau nominatif. Sekiranya salah satu daripada dua *hamza* itu mempunyai baris yang berlainan, maka Qunbul *mentashi:ikan* atau *mengibda:l hamza* yang kedua daripadanya sebagaimana bacaan Na:fi ' dan Abu: 'Amr (Abu Sulayman 1994).

Ya:' *al Ida:faṭ*

Ya:' *al Ida:faṭ* ialah *ya:*' *al mutakallim* (الْمُتَكَلِّمُ) iaitu sejenis *dam:ir* yang bersambung dengan kata nama, kata kerja atau harf (partikel). Sekiranya ia diida:faṭkan kepada kata nama (اسْمٌ), maka ia berada dalam keadaan yang berposisi genitif (مَجْرُورٌ) seperti (ذِكْرِي) (نَفْسِي), sekiranya ia diida:faṭkan kepada kata kerja (فِعْلٌ) maka ia akan berada dalam keadaan yang berposisi akusatif (مَنْصُوبٌ) seperti (فَطَرَنِي) (لَيْحَزَنِي), dan jika ia diida:faṭkan kepada *harf* maka ia akan berada dalam keadaan yang berposisi genitif atau yang berposisi akusatif mengikut 'a:milnya (agen) seperti (أَنِّي) (لِي) (Abd al Sami:' 2001). Menurut Abd al Sami:' (2001), *ya:*' *al ida:faṭ* terbahagi kepada enam:

1. Terdapat selepasnya *hamzaṭ qat'* yang berbaris akusatif pada 99 tempat dalam al-Quran. Daripada 99 tempat yang dinyatakan hanya 17 tempat yang dibaca secara akusatif oleh Ibn Kathi:r iaitu pada ayat-ayat berikut:
 - a. Gha:fir, ayat 26, 36, 41 dan 60
 - b. Al-Baqarah, ayat 152
 - c. Yu:suf, ayat 13 dan 46
 - d. Al-Ahqa:f, ayat 17
 - e. Ta:ha, ayat 10 dan 125
 - f. Al Zumar, ayat 64
 - g. Hu:d, ayat 92
 - h. Al-Mu'minu:n, ayat 100
 - i. Al-Qasas, ayat 29, 38 dan 78
 - j. Al-Tawbah, ayat 83
 - k. Al Mulk, ayat 28.

Al Bazziy menambah pada lima tempat lagi daripada jumlah tersebut iaitu pada ayat-ayat berikut; al Naml, ayat 16; al Ahqa:f, ayat 15 dan ayat 23; Hu:d ayat 29, ayat 51 dan ayat 84; dan al-Zukhruf ayat 51.

2. Terdapat selepasnya *Hamzaṭ Qat'* yang berbaris genitif (52 tempat dalam al-Quran). Ibn Kathi:r mengakusatifkan hanya pada dua tempat sahaja iaitu pada ayat enam surah Nu:h dan ayat 38 surah Yu:suf.
3. Terdapat selepasnya *Hamzaṭ Qat'* yang berbaris nominatif (sepuluh tempat dalam al-Quran). Ibn Kathi:r membaca semua sepuluh tempat ini dengan menjusifkan *Ya:' al Ida:faṭ*.
4. Terdapat selepasnya *Alif La:m al-Ta'rif* *ال التعريف*, pada 14 tempat dalam al-Quran. Dalam bahagian ini pula Ibn Kathi:r membaca kesemua 14 tempat dengan akusatif *Ya:' al Ida:faṭ*.
5. Terdapat selepasnya *hamzaṭ wasal* yang mufrad, iaitu terdapat pada tujuh tempat dalam al-Quran. Ibn Kathi:r membacakan secara akusatif dalam bahagian ini pada lima tempat iaitu pada surah Ta:ha:, ayat 30, ayat 41 dan ayat 42, al-A'raf, ayat 144 dan surah al-Saff, ayat enam. Al-Bazziy menambah satu tempat lagi dengan bacaan akusatif iaitu pada ayat 30 surah al-Furqa:n.
6. Terdapat selepasnya huruf-huruf selain *hamzaṭ qat'* atau *hamzaṭ wasal* (30 tempat dalam al-Quran). Maka semuanya dibaca dengan akusatif *ya:' al ida:faṭ* pada bahagian yang terakhir ini.

Ya:' al-Za:'idaṭ

Ya' al-Za:'idaṭ ialah penambahan *ya:'* pada pembacaan dan penulisan iaitu pada penulisan mushaf (Khami:s 1996). Ia dinamakan *al-Za:'idaṭ* pada istilah para qurra:' kerana dibuang daripada penulisan di dalam mushaf. Tetapi Ibn Kathi:r mengekalkan sebutan *ya:'* tersebut dalam qira:'atnya. Ibn Kathi:r dan Hisya:m mengekalkannya ketika *wasal* dan *waqaf* kecuali pada beberapa tempat (Abu Sulayman 1994).

Ta:' al-Ta'ni:th

Ibn Kathi:r mewaqafkan dengan *ha:'*, *ta:'* yang ditulis di dalam mushaf *ta:' maftu:haṭ* yang sepatutnya ditulis dengan *ta:' marbu:taṭ* seperti: *رَحْمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* (Hu:d, ayat 73) dan *وَجَنَّتُ نَعِيمٍ* (al-Wa:qi'at, ayat 89). *Ta:' marbu:taṭ* atau *ta:'* simpul adalah salah satu dari *ta:' ta'ni:th* (yang menandakan feminin). *Ta:' ta'ni:th* ialah *ta:'* yang terdapat di akhir perkataan yang menjadi tanda bahawa perkataan itu *mu'annath* (feminin) sama ada *ta:'* itu *maftu:haṭ* (ت) (terbuka) atau *marbu:taṭ* (ة) (tersimpul). Bagi kedua-dua *ta:'* ini ada tempat yang khusus dalam al-Quran al-Karim.

Jika *ha: 'al-ta'ni:th* ditulis dengan *ta: 'maftu:haṭ* di dalam mushaf, maka Ibn Kathir, Abu: 'Amr dan al Kisa'iyy mewaqafkannya dengan *ha: 'kecuali dalam keadaan jam'*, mereka mewaqafkannya dengan *ta: '.* Para qurra: ' lain mewaqafkannya dengan *ta: '.* dalam kedua-dua keadaan tersebut (Abu al-Farah 2003).

Takbir Pada Akhir Setiap Surah Bermula dari al-Duha: hingga al-Na:s

Takbir ialah menyebut lafaz Allah Akbar *الله أكبر* yang bermaksud Allah Maha Besar. Hukum membaca takbir ialah sunat kerana ia thabit dari Rasulullah s.a.w.. Al-Bazziy menyatakan bahawa Imam al-Sya:fi'iy telah berkata kepadanya, "Sekiranya kamu meninggalkan takbir sesungguhnya kamu telah meninggalkan satu sunnat dari sunnat-sunnat Rasulullah s.a.w. (Abd al Sami: ' 2001).

Al-Bazziy dan Qunbul melafazkan ucapan takbir ini pada setiap surah dari al-Duha: hingga al Na:s. Namun ada dua pendapat dari segi waktu melafazkan ucapan takbir itu. Al-Bazziy melafazkan di akhir setiap surah dan ada juga yang menukikan daripada al-Bazziy bahawa beliau membacanya sebelum atau permulaan setiap surah. Lafaz takbir di akhir surah itu adalah lebih Sahi:h (Abu al-Farah 2003).

Analisa Qira: 'at Ibn Kathir dalam Juz 'Amma

Jadual 1 menunjukkan qira: 'at Ibnu Kathir mengikut urutan surah, iaitu daripada surah al-Naba' hingga ke surah al Na:s.

Surah al-Naba'

Dalam surah ini, perselisihan dari segi bacaan *mim al-jam'* terdapat dalam ayat tiga, lapan, sembilan, 12, 27, 30 dan 40, manakala *Ha' al-dami:r* terdapat di empat tempat iaitu dalam ayat tiga, 29, 37 dan 40. *Mad munfasil* terdapat dalam ayat 25 dan 40 dan ini merupakan bacaan yang melibatkan usul. *Farasy al-huru:f* pula terdapat di empat tempat iaitu dalam ayat satu, 19, 25 dan 37.

Surah al-Na:zi'a:t

Dalam surah ini kalimah khilaf pada *mim al-jam'* adalah yang paling banyak. Ia terdapat pada lima tempat iaitu dalam ayat 14, 27, dua tempat pada ayat 33 dan ayat 46. Terdapat empat tempat bagi *Mad munfasil* iaitu pada ayat 15, 43, 44 dan 46. Dua *hamzaṭ* dalam satu kalimah pula berada di tiga tempat iaitu pada ayat 10, 11, dan 27, manakala *ha' al-dami:r* pada ayat 16 dan *farasy al-huru:f* ada dua tempat iaitu pada ayat 18 dan 43.

Jadual 1. Qira'at Ibn Kathir dalam juz 'Amma

Surah	Mad Mufasil	Mi:m al-Jam'	Ha:' al-Dami:r	Dua Hamzat dalam satu kalmah	Dua Hamzat dalam dua kalmah	Ya:' al-Ida:fat	Ya:' al-Zaidat	Farsy al Huru:f
al-Naba'	2	7	4					4
al-Na:zi'at	4	5	1	3				2
'Abasa	7	3	5		1			4
al-Takwi:r	3	2	1					4
al-Infita:r	3	2						2
al-Mutaffi:n	10	12	1					2
al-Insyiqaq	5	3	1					3
al-Buru:j	1	7						1
al-Ta:riq	1	2						2
al-'A'la:	3							
al-Gha:siyat	2	3						1
al-Fajr	6	1	3			4	2	1
al-Balad	3	2	1					5
al-Syams	1	4	1					
al-Layl	5	2	1					1
al-Duha:	1							
al-Insyirah	1							
al-Ti:n	1	1	1					
al-'Alaq	8		1					1
al-Qadr	2	1	1					1
al-Bayyinat	4	5	1					
al-Zalzalat		1						
al-'A:diyat		2						
al-Qari'at	2							
al-Taka:thur								

Surah	Mad Muntasil	Mi:m al-Jam'	Ha:' al-Dami:r	Dua Hamza' dalam Dua Hamza' dalam satu kalimah	Dua Hamza' dalam dua kalimah	Ya:' al-Ida:fat	Ya:' al-Za:dat	Farsy al Huru:f
al-'Asr								
al-Humaza't	2	1						2
al-Fi:l		4						
Quraysh	1	3						
al-Ma:'u:n		3						
al-Kawthar	1							
al-Ka.firu:n	7	5						1
al-Nasr			1					
al-Masad	2		1					2
al-Ikhla:s								1
al-Falaq								
al-Na:s								
Jumlah	88	81	25	3	1	4	2	40

Surah 'Abasa

Terdapat 16 kalimah khilaf dalam surah ini yang melibatkan usu:l iaitu tujuh *mad munfasil* pada ayat satu, tiga, empat, 11,17, 23 dan 24; lima *ha' al-dami:r* iaitu pada ayat sepuluh, 34, 35, 36 dan 37; tiga *mim al-jam'* iaitu dua tempat pada ayat 32 dan satu tempat pada ayat 37; dua *hamza* dalam dua kalimah yang terdapat pada ayat 22; dan empat *farasy al-huru:f* iaitu pada ayat empat, enam, sepuluh dan 25.

Surah al-Takwi:r

Terdapat enam kalimah khilaf yang melibatkan usu:l dalam surah ini iaitu tiga tempat *mad munfasil* pada ayat 14,15 dan 29; dua tempat *mim al-Jam'* pada ayat 22 dan 28; satu tempat *ha' al-dami:r* iaitu pada ayat 23; dan *farasy al-huru:f* ada empat tempat iaitu pada ayat enam, sepuluh, 12 dan 24.

Surah al-Infita:r

Terdapat lima tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l dalam surah ini iaitu *mad munfasil* pada tiga tempat ayat enam, lapan dan 17. *Mim al-jam'* pula terdapat pada dua tempat iaitu pada ayat sepuluh dan 16, manakala *farasy al-huru:f* ada di dua tempat iaitu pada ayat tujuh dan 19.

Surah al-Mutaffi:n

Kita dapati dalam jadual di atas terdapat 23 tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu 12 tempat *mim al-jam'* iaitu dua tempat pada ayat tiga dan 15, satu tempat pada ayat empat,14,16,17, 24, 30, 32 dan 33, sepuluh tempat *mad munfasil* iaitu pada ayat tujuh, lapan,12,15,18,19,32,33 dan dua tempat pada ayat 31. Terdapat satu tempat *ha' al-dami:r* iaitu pada ayat 13 dan dua tempat *farasy al-huru:f* iaitu ayat 14 dan 31.

Surah al-Insyiqaq

Terdapat sembilan kalimah khilaf yang melibatkan usu:l dalam surah ini. *Mad munfasil* ada lima tempat iaitu pada ayat enam, sembilan, 13, 15 dan 16. *Mim al-jam'* pula ada tiga tempat iaitu pada ayat 20, 24 dan 25. *Ha' al-dami:r* ada satu tempat iaitu pada ayat enam dan *farasy al-huru:f* ada tiga tempat iaitu pada ayat 12,19 dan 24.

Surah al-Buru:j

Dalam surah ini terdapat lapan kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu tujuh bagi *mim al-jam'* iaitu pada ayat enam, tujuh, lapan, 11, 20 dan dua tempat pada ayat sepuluh. Satu *mad munfasil* pula terdapat pada ayat lapan, manakala *farasy al-huru:f* pula ada satu kalimah iaitu pada ayat yang ke 21.

Surah al-Ta:riq

Kalimah khilaf yang melibatkan usu:l ada tiga tempat sahaja dalam surah ini iaitu *mim al-jam'* pada ayat 15 dan 16, dan *mad munfasil* pada ayat dua, manakala yang melibatkan *farasy al-huru:f* ada dua iaitu pada ayat empat dan lima.

Surah al-A'la

Dalam surah ini terdapat tiga kalimah khilaf semuanya berkaitan dengan *mad munfasil* iaitu pada ayat empat, enam dan 17.

Surah al-Gha:siyat

Terdapat lima tempat kalimah khilaf yang berkaitan dengan usu:l iaitu tiga tempat *mim al-jam'*, pada ayat enam, 22 dan 25, dua tempat *mad munfasil* iaitu pada ayat 21 dan 25 dan hanya satu sahaja yang melibatkan *farasy al-huru:f* iaitu pada ayat 11.

Surah al-Fajr

Seperti yang tertera pada Jadual 1, terdapat 16 tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu enam tempat tentang *mad munfasil* iaitu pada ayat 16, 21, 25, 26, 27 dan 28. Tiga yang berkaitan dengan *ha' al-dami:r* iaitu pada ayat 13, 15 dan 16. Ada satu tempat tentang *mim al-jam'* iaitu pada ayat 13. Terdapat empat tempat tentang *ya' al-Ida:fa* iaitu pada ayat 15 dan 16. *Ya' al za:dat* pula ada pada dua tempat iaitu ayat empat dan sembilan, manakala *farasy al-huru:f* ada lima iaitu pada ayat empat, sembilan, 15, 16 dan 18.

Surah al-Balad

Terdapat tiga kalimah khilaf dalam surah ini iaitu berkaitan dengan *mad munfasil* pada tiga tempat iaitu pada ayat pertama, tujuh dan 12. *Mim al-jam'* pula terdapat pada dua tempat iaitu pada ayat 19 dan 20 dan terdapat satu tempat *ha' al-dami:r* pada ayat lima. Terdapat lima tempat kalimah khilaf yang melibatkan *Farasy al-huru:f* iaitu pada ayat lima, tujuh, 13, 14 dan 20.

Surah al-Syams

Kalimah khilaf yang terdapat dalam surah ini iaitu *mim al-jam'* terdapat pada empat tempat iaitu pada ayat 13, dan empat tempat pada ayat 14. *Ha' al dami:r* pula hanya ada di satu tempat pada ayat 14, begitu juga dengan *mad munfasil* yang terdapat satu tempat iaitu pada ayat 11.

Surah al-Layl

Terdapat lapan tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu lima tempat *mad munfasil* pada ayat tiga, 15, 19, dan dua tempat pada ayat 11. Selain itu, terdapat dua tempat *mim al-jam'* iaitu pada ayat tiga dan 14; satu *ha' al-dami:r* pada ayat 11, dan satu *farasy al-huru:f* pada ayat 14.

Surah al-Duha

Hanya satu *mad munfasil* yang menjadi kalimah khilaf dalam surah ini iaitu pada ayat lima.

Surah al-Insyirah

Dalam surah ini juga terdapat hanya satu sahaja kalimah khilaf iaitu pada ayat tiga berkaitan dengan *mad munfasil* juga.

Surah al-Ti:n

Terdapat tiga kalimah khilaf dalam surah ini pada tiga tempat iaitu pada ayat empat tentang *mad munfasil*, ayat lima tentang *ha' al-dami:r* dan ayat enam tentang *mim al-jam'*.

Surah al-'Alaq:

Terdapat sembilan tempat kalimah khilaf dalam surah ini iaitu lapan tempat yang berkaitan dengan *mad munfasil* iaitu dua tempat pada ayat enam dan masing-masing satu tempat pada ayat tujuh, lapan, sepuluh, sebelas dan 12. Selain itu, terdapat satu tempat tentang *ha' al-dami:r* pada ayat 19, manakala *farasy al-huru:f* ada satu iaitu pada ayat tujuh.

Surah al-Qadr

Terdapat empat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu dua berkaitan dengan *mad munfasil* pada ayat satu dan dua, satu *ha' al-dami:r* pada ayat pertama dan satu *mim al-jam'* pada ayat empat. *Farasy al-huru:f* pula hanya ada satu iaitu pada ayat tiga.

Surah al-Bayyinah

Kalimah khilaf pada surah ini semuanya melibatkan usu:l iaitu tentang *mim al-jam'* sebanyak lima tempat iaitu pada ayat enam, tujuh, dan tiga tempat pada ayat lapan; empat tempat *mad munfasil* iaitu

dua tempat pada ayat lima dan satu tempat masing-masing pada ayat enam dan lapan; dan satu *ha' al-dami:r* pada ayat lapan.

Surah al-Zalzalat

Terdapat satu sahaja kalimah khilaf dalam surah ini iaitu tentang *mim al-jam'* pada ayat enam.

Surah al-'A:diya:t

Kalimah khilaf dalam surah ini terdapat pada dua tempat pada ayat sebelas iaitu mengenai *mim al-jam'*.

Surah al-Qa:ri'at :

Hanya dua *mad munfasil* yang menjadi kalimah khilaf dalam surah ini iaitu pada ayat tiga dan sepuluh.

Surah al-Humazat

Dalam surah ini terdapat tiga tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu mengenai *mad munfasil* pada ayat tiga dan lima dan *mim al-jam'* pada ayat lapan, manakala *farasy al-huru:f* pula ada dua tempat iaitu pada ayat tiga dan lapan.

Surah al-Fi:l

Semua kalimah khilaf adalah berkaitan dengan *mim al-jam'* iaitu sebanyak empat tempat pada ayat dua, tiga, empat dan lima.

Surah Quraysy

Dalam surah ini terdapat empat kalimah khilaf yang melibatkan usul iaitu tiga tempat tentang *mim al-jam'* iaitu pada ayat dua, dan dua tempat pada ayat empat. Satu tempat lagi adalah *mad munfasil* pada ayat empat.

Surah al-Ma:'u:n

Terdapat tiga kalimah khilaf dalam surah ini iaitu *mim al-jam'* di dua tempat pada ayat lima dan satu tempat pada ayat enam.

Surah al-Kauthar

Hanya satu sahaja kalimah khilaf yang terdapat dalam surah ini iaitu mengenai *mad munfasil* pada ayat pertama.

Surah al Ka:firu:n

Terdapat 12 tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu mengenai *mad munfasil* pada tujuh tempat iaitu pada ayat satu, dua, empat dan dua tempat masing-masing pada ayat tiga dan lima; dan *mim al-jam'* pada lima tempat iaitu pada ayat tiga, empat, lima dan dua tempat pada ayat enam. Kalimah khilaf yang melibatkan *farasy al-huru:f* ada satu sahaja iaitu iaitu pada ayat enam.

Surah al-Nasr

Dalam surah ini hanya terdapat satu kalimah khilaf iaitu tentang *ha' al-dami:r* pada ayat tiga.

Surah al-Masad

Dalam surah ini terdapat tiga tempat kalimah khilaf yang melibatkan usu:l iaitu tentang *mad munfasil* pada ayat satu dan dua; dan *ha' al-dami:r* pada ayat dua. Kalimah khilaf yang melibatkan *farasy al-huru:f* pula terdapat di dua tempat iaitu pada ayat satu dan empat.

Surah al-Ikhla:s

Dalam surah ini ada satu sahaja kalimah khilaf iaitu yang melibatkan *farsy al-huru:f* . Kalimah tersebut adalah kalimah كُفُّوا pada ayat empat.

Kesimpulan

Dapatan kajian mendapati terdapat tujuh metodologi Ibn Kathir dalam juz 'Amma ini, iaitu cara pembacaan *mi:m al-jam'*, *ha:' al dami:r*, hukum *mad munfasil*, dua *hamzaṭ* dalam satu perkataan, dua *hamzaṭ* dalam dua perkataan, *ya:' al ida:faṭ* dan *ya:' al zaidat*. Dalam ilmu qira:at metodologi ini dikenali sebagai usu:l. Usu:l bermakna kaedah umum, ini adalah kerana kaedah umum itu meliputi keseluruhan hukum yang menepatinya (Abu Sulayman 1994).

Terdapat juga dalam juz ini bacaan-bacaan yang tidak melibatkan usu:l. Dalam ilmu qira:at ia dikenali dengan Farsy atau Furu:'. Farsy ialah bentuk-bentuk hukum khusus yang terdapat dalam surah-surah yang tidak boleh kita jadikannya satu kaedah umum pada ayat atau surah yang lain (al Ha:di: Qa:baṭ, 1999).

Melalui penelitian terhadap metodologi Ibn Kathir dalam juz 'Amma, kajian mendapati metod yang paling banyak ialah mengenai *mad munfasil* iaitu pengulangannya berlaku dalam juz 'Amma sebanyak 88 kali. Diikuti oleh metod mengenai *mi:m al-jam'* sebanyak 81 kali dan *ha:' al dami:r* sebanyak 25 kali. Manakala dua *hamzaṭ* dalam satu kalimah hanya ada tiga kali sahaja dan ia berlaku dalam satu surah sahaja iaitu surah al-Na:zi'a:t. Dua *hamzaṭ* dalam dua kalimah berlaku hanya satu kali sahaja iaitu dalam surah 'Abasa. *Ya:' al ida:faṭ* pula berlaku empat kali sahaja dan *ya' al za:dat* ada dua kali, semuanya dalam surah al-Fajr. Kajian mendapati ada 40 *farsy al huru:f* dalam juz 'Amma ini.

Empat surah daripada daripada 37 surah dalam juz ini tidak terlibat dengan sebarang perbezaan bacaan di antara qira:at Ibn Kathir dengan Riwayat Hafs sama ada yang berkaitan dengan usu:l atau *farsy al huru:f*. Surah-surah tersebut ialah surah al-Taka:thur , al-'Asr , al-Falaq dan al-Na:s.

Bibliografi

- Al-Quran Karim dan Terjemahannya ke Bahasa Indonesia.1418H/1997.Majma' al Malik Fahd Li Tiba'at al Maṣḥaf al Syari:f.
- Abdul Qadir Leong. 1998. *Tajwid al-Quran Rasm 'Uthmani*. Ulang cetak. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- 'Abd al Sami:'; Ahmad Mahmud. 2001. *Asyhur al Muṣṭalahat fi 'Ilm al Ada:' wa Ilm al Qira:'at*. Beirut : Da:r al Kutub al 'Ilmiyyat.
- Abu al Farah, Sayid La:si:n dan Kha:lid Ibn Muhammad al Ha:fiz al 'Imiy. 2003 .*Taqri:b al Ma'a:ni fi Syarḥ Ḥirzi al Ama:niy fi al Qira:t al Sab'* . Madinah: Maktabat Da:r al Zama:n.
- Abu Sulayma:n, Sa:bir Hasan. 1994. *Al Taysir fi al Qira:'at al Sab'at al Masyhurat_waTauji:hiha*. Riya:d : Da:r 'A:lam al Kutub.
- Anis, Ibra:him; Muntaṣir, 'Abd al Ḥali:m : al Ṣawa:lihiy, 'Atiyyah; Aḥmad, Muḥammad Khalf Allah. t.th. *al Mu'jam al Wasi:t*. Kaherah: Majma'.
- Anis Ibra:him. 1973. *Fi al Lahja:t al 'Arabiyyat* . Kaherah: t.pt.
- 'Atar, Hassa:n Diya:' al Di:n. 1988 .*al Ahruf al Sab'at_wa Manzilat al Qira:'at Minha*. Beirut: Da:r al Basya:'ir al Isla:miyyat.
- Al Da:niyy, Abi 'Amr wa Uthma:n bin Sa'i:d. 1996. *Al Taysir fi al Qira:'at al Sab' .* Beirut: Da:r al Kutub al Ilmiyyat.
- Al Da:niy, Abu 'Amru 'Uthma:n bin Sa'i:d. 1983. *Al Muqni' fi Marsu:m Masa:hif Ahl al Amsa:r*. Damsyiq: Da:r al Fikr.
- Emran Bakar. 1995. *Al Qira:at al Qura:niyyat sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Hassan Maḥmu:d. 1995. *Mengenal Qira'at al-Quran Seni Kalamullah*. Kuala Lumpur: Da:r al Nu'ma:n.
- alHa:di Qa:Baṭ. 'Abd al Hali:m bin Muḥammad. 1999. *Al Qira'at alQura:niyyaṭ Ta:ri:khuha, Thubu:tuha, Hujjiyatuha wa Ahka:muha*. Beirut Da:r al Gharbiy al Isla:miyy.
- Ibn al Jazariyy, Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Ali al Jazariyy. T.th.Syarḥ *Ti:baṭ al Nasyr fi al Qiraa:t al 'Asyr*. Kaherah: Al Ida:raṭ al 'A:mmaṭ li al Ma'a:hid al Azhariyyat.
- Ibn Manzu:r, Abi al Faḍl Jama:l al Di:n Muḥammad bin Mukrim. 1994 . *Lisa:n al 'Arab*. Beirut: Da:r al Fikr.
- Ismai:l, Sya'ba:n Muḥammad. 1986. *Al Qiraa:t Ahka:muha wa Masdaruha*. Kaherah: Da:r al Sala:m.
- Khami:s, Muhammad 'Abd al Da'im. 1996. *Al Nafaha:t al Ila:hiyyaṭ fi Syarah Matn al Sya:ribiyyaṭ*. Kaherah: Da:r al Mana:r.
- Ma'lu:f Lois. 1956. *al Munjid fi al Lughat wa al Adab wa al 'Ulu:m*. Beirut: Ferdinand Total al Yasu:'iy.
- al Marba:wiyy, Muhammad Idris Abdul Rauf. t.th. *Qa:mu:s al Marbawiyy*. Kaherah: Matba'at Mustafa al Ba:biy al Halabiy wa Aula:duh.
- Mohd Rahim Jusoh. 2001. *Pengenalan Ilmu Qira'at*. t.tp: Mahsuri Timur Sdn. Bhd.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. 2001. *Huruf dalam Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Muhaysin, Muhammad Sa:lim. t.th. *Al Irsya:da:t al Jaliyyaṭ fi al Qiraa:t al Sab'i Min Ṭori:q al Sya:ribiyyaṭ*. t.tp: Maktabaṭ al Kuliyyaṭ al Azhariyyaṭ.
- Muhaysin, Muhammad Sa:lim. 1978. *al Mustani:r fi Ta:rikh al Qira:'at al Mutawa:tiraṭ*. t.tp: Maktabaṭ al Kuliyyaṭ al Azhariyyaṭ.
- Muhaysin, Muhammad Sa:lim. 1986. *Al Qira:'at wa Atharuha fi 'Ulu:m al 'Arabiyyaṭ*. t.tp : Maktabaṭ al Kuliyyaṭ al Azhariyyaṭ
- Muhaysin, Muhammad Sa:lim. 1998. *Al Mughniy f Tauji:h al Qira:'a:t al 'Asyar al Mutawa:tirat*. Beirut: Da:r al Jayl.
- al Nawawiyy, Muhyiddi:n Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf al Nawawiyy. 1994. *Sahih muslimbi syarḥal Nawawiyy*. (pnyt.) *Majmu:'at al Asa:tizaṭ bi Isyraf 'Aliy Abd al Hamid Balṭaṭ Ji*. Beirut: Da:r al Khayr.
- al Qa:di, Abd al Fattah. 2002. *Ta:ri:kh al Qurra:' al 'Asyaraṭ*. t.tp.: Al Maktabaṭ al Azhariyyaṭ li al Tura:th.
- al Qa:di, Abd al Fattah. 1981. *Al Budu:r al Za:hiraṭ*. Beirut: Da:r al Kita:b al 'Arabiyy.
- Saqar, Khami:s al Sai:d Ja:bir. 2004. *al Wa:haṭal Khadra' fi Ta:ri:kh al Qira:'at wa al Qurra'*. Ṭanṭa: Da:r al Sahabaṭ li al Turath bi Tanta.
- al Zahabiyy, Syams al Di:n Muhammad bin Ahmad bin Uthma:n. f.th. *Siyar a'la:m al Nubala'*. Jil. 5. Beirut: Muassasaṭ al Risa:laṭ.
- Zurzu:r, Adnan Muhammad. 1991. *Ulu:m al-Quran Madkhal Ila Tafsir al Quran wa Baya:n I'ja:jizih*. Beirut: al Maktab al Islamiyy.
-

MOHD ALA-UDDIN OTHMAN
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Emel : mohdalauddin@unisza.edu.my

ZAWAWI ISMAIL
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Emel : zawawiismail@um.edu.my

WAN ISMAIL WAN ABDULLAH
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Emel: wismail@unisza.edu.my

MOHAMMAD SEMAN
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Emel: masman@um.edu.my